



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 JUN 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

10 JUN 2021 (KHAMIS)

Harga minyak masak naik sebab kos barang mentah tinggi - KPDNHEP

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Rabu menjelaskan kenaikan harga minyak masak disebabkan peningkatan kos bahan mentah utama seperti minyak sawit sejak tahun lepas.

KPDNHEP dalam kenyataan berkata, pemantauan sentiasa dilakukan supaya tiada pihak mengaut keuntungan yang tidak munasabah termasuk melaksanakan penguatkuasaan Ops Rantai 7.0 bagi mengesan peningkatan harga minyak masak dan aktiviti mencatat dalam kalangan

pengilang dan peruncit.

Kenyataan itu turut menyebut, notis dikeluarkan di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 untuk mendapat maklumat lanjut berhubung peningkatan harga.

"Sebanyak 163 daripada 166 item minyak masak yang diperiksa tidak mencatat. Margin keuntungan pula konsisten.

"Tiga peruncit juga disyaki melakukan kesalahan mencatat dan kertas siasatan telah dibuka. Dua kes diambil tindakan bagi kesalahan mencatat, manakala satu kes lagi dalam siasatan lanjut," kata-

nya pada Rabu.

KPDNHEP berkata, pemantauan harga minyak masak di pasaran masih diteruskan bagi mengesan aktiviti peningkatan harga yang tidak terkawal dan memastikan peniaga yang mencatat diambil tindakan sewajarnya di bawah AKHAP 2011.

Tegasnya, tindakan tegas akan dilaksanakan kepada peniaga yang mengambil kesempatan sehingga mengakibatkan ketidakstabilan harga barangan keperluan di pasaran dan membebankan rakyat.

Selain itu, KPDNHEP memberi jaminan kualiti minyak masak pekete satu kilogram (kg) adalah sama dengan kualiti minyak masak

yang dijual dalam pekete botol.

"Harga minyak masak pekete 1kg tersebut telah diberikan subsidi oleh kerajaan yang menyebabkan harganya jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan minyak yang dijual dalam botol.

"Tujuan utama bagi memastikan rakyat boleh mendapatkan minyak masak untuk kegunaan isi rumah pada harga yang munasabah iaitu RM2.50 bagi pekete 1kg.

"Tambah pula kos pembungkusan pekete lebih menjimatkan. Tidak wujud isu minyak masak pekete tidak berkualiti dan merupakan minyak terpakai yang dikitar semula seperti didakwa pihak tertentu," ujarnya.

**HARGA MINYAK
MASAK
MELAMBUNG**

Isu harga minyak masak meningkat

Peruncit jual harga tinggi terima notis KPDNHEP

Kuantan: Dua peruncit di daerah ini menerima notis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang kerana didapati menjual minyak masak dalam botol pada harga tinggi.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Pahang, Normaswari Nordin, berkata berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan minggu ini, peruncit menjual harga

minyak masak botol lima kilogram, masing-masing RM32.65 dan RM33.59.

Katanya, notis yang dikeluarkan terhadap peruncit itu bagi mendapatkan perincian harga jualan dan harga kos barangan untuk tujuan siasatan lanjut sama ada berlaku pengambilan keuntungan berlebihan atau tidak.

“Walaupun harga jualan minyak masak botol lima kilogram tidak dikawal oleh pihak kera-

jaan, peniaga masih tertakluk kepada perundangan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

“Jika ada peniaga yang melakukan kesalahan, mereka boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana mengambil keuntungan tidak munasabah atau mencatut.

“Bagaimanapun, berdasarkan pemeriksaan itu juga mendapati

masih ada peruncit yang menjual minyak masak botol lima kilogram serendah RM23.64, manakala paling mahal RM33.59. Harga purata minyak botol lima kilogram pula dijual pada RM29.57,” katanya, semalam.

Mengulas bekalan minyak masak di Pahang, beliau berkata, tiada masalah kekurangan bekalan bahan itu sama ada membabitkan minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi.

Katanya, peruncit hanya dibenarkan mengehadkan penjualan tiga paket minyak masak bersubsidi bagi setiap pelanggan untuk memastikan bekalan sentiasa ada dan mencukupi.

“Hanya minyak masak paket yang dikategorikan sebagai bersubsidi ditetapkan RM2.50 satu kilogram, manakala minyak masak yang lain pula diklasifikasikan dalam kategori tidak bersubsidi,” katanya.

2 peruncit diberi notis jual harga tinggi

Kuantan: Dua peruncit di daerah ini menerima notis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang kerana didapati menjual minyak masak pada harga tinggi.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pahang Normaswari Nordin berkata, berdasarkan pemeriksaan, peruncit itu didapati menjual harga minyak masak botol lima kilogram masing-masing dengan harga RM32.65 dan RM33.59.

“Walaupun harga jualan minyak masak botol lima kilogram tidak dikawal oleh kerajaan, peniaga masih tertakluk kepada perundangan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

“Jika ada peniaga yang melakukan kesalahan itu, mereka boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana mengambil keuntungan tidak munasabah

atau mencatat.

“Berdasarkan pemeriksaan itu mendapati masih ada peruncit yang menjual minyak masak botol lima kilogram berharga serendah RM23.64 manakala paling mahal RM33.59.

“Harga purata minyak botol lima kilogram pula dijual pada RM29.57,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas bekalan minyak masak di Pahang, beliau berkata, tiada masalah kekurangan bekalan bahan itu sama ada membabitkan minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi.

Menurutnya, peruncit hanya dibenarkan menghadkan penjualan tiga paket minyak masak bersubsidi bagi setiap pelanggan untuk memastikan bekalan sentiasa ada dan mencukupi.

“Hanya minyak masak paket yang dikategorikan sebagai bersubsidi ditetapkan RM2.50 satu kilogram manakala minyak masak yang lain pula diklasifikasikan dalam kategori tidak bersubsidi,” katanya.

Bekalan minyak masak paket 1kg terhad

Pengguna, peniaga dakwa sukar peroleh stok sejak dua minggu lalu

Oleh Mohamed Farid Noh, Hah Hafiz Aziz, Muhammad Zuliyahmini Sultan Suri, Zuliaty Zulkifli dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketika minyak masak dibotolkan naik harga, pengguna dan peniaga pula mendakwa sukar mendapatkan bekalan minyak masak paket 1 kilogram (kg) yang bersubsidi.

Pekedai di Lembah Klang, Johor dan Kedah mendakwa bekalan minyak masak paket 1kg sukar diperolehi daripada pembekal sejak dua minggu lalu.

Tinjauan *BH* di beberapa kedai runcit di sekitar Lembah Klang juga mendapati tiada sepaket pun minyak masak yang ditemui di premis itu kecuali di rangkaian pasar mini terkenal.

Namun ia dijual dengan had iaitu satu hingga tiga paket sahaja kepada setiap pembeli dan situasi ini mendatangkan kesukaran kepada peniaga makanan yang biasanya perlu menggunakan hampir lima kilogram minyak masak paket setiap hari.

Pekerja pasar mini di TTDI Jaya, Muhammad Kharul Azmi, 25, berkata kedainya sudah lama terputus bekalan minyak masak pa-

ket iaitu sebelum Sekatan Pergerakan Penuh berlangsung dan pengedar tidak lagi menghantar bekalan sejak itu.

“Ada minyak botol namun apabila letak sekejap sahaja ia habis dijual. Pelanggan merungut jika membeli minyak dalam botol kerana harganya yang mahal lagi-pun biasanya kedai runcit seperti kami menjual minyak paket.

“Pembekal juga menyatakan akan menghantar minyak paket dalam masa terdekat tetapi setiap kali datang menghantar barangan, katanya stok tiada,” katanya.

Pengurus CF Fresh Market, Kevin Kanagarajaa, 31, pula berkata, dia terpaksa mendapatkan bekalan dari merata tempat termasuk di pasar borong Selayang untuk memperoleh bekalan minyak masak berkenaan.

Penjaga sebuah kedai runcit di Saujana Utama, Sungai Buloh, Zainal Abidin juga memberitahu, dia terpaksa membeli minyak masak di pasar raya kerana tiada lagi penghantaran minyak paket ke kedainya.

“Dua tiga hari sekali, saya dan pemilik kedai ke beberapa buah pasar raya besar untuk membeli minyak masak paket kerana ia masih boleh diperolehi. Tetapi kami kena beratur awal pagi kerana jika lambat ia akan kehabisan,” katanya.

Peniaga goreng pisang, Nurul Huda Sabaruddin, 22, berkata, dia terpaksa berkongsi bekalan minyak masak dengan adiknya yang berniaga ayam goreng, malah terpaksa berjimat setiap hari.



Muhamad Khairul menunjukkan rak minyak masak paket kosong kerana kekurangan bekalan di TTDI Jaya, semalam. (Foto Owee Ah Chun/BH)

Di **Taiping**, tinjauan di sebuah pasar raya besar di sini mendapati minyak pek terbabit yang dijual pada harga RM2.50 1kg kehabisan stok, sebaliknya minyak masak sawit botol 5kg yang dilihat masih memenuhi rak dijual dengan harga antara RM28.49 hingga RM33.35.

Peniaga pisang goreng di Changkat Jering, Yarodah Mat Huseng, 47, berkata perniagaannya yang memerlukan penggunaan minyak masak sebanyak 10 kilogram sehari kurang terjejas memandangkan dia masih mampu memperoleh minyak pek 1kg di premis peruncitan kecil seperti kedai runcit.

Di **Johor Bahru**, minyak masak paket bersubsidi yang dijual dengan harga RM2.50 1kg, menjadi rebutan di sini, selepas harga minyak masak botol melonjak naik.

Tinjauan di Plentong dan Tampoi di sini, mendapati beberapa kedai runcit turut kehabisan stok minyak masak paket berikutan bekalannya yang berkurangan.

Pekerja kedai runcit, Saiful Nizam Ahmad, 27, berkata bekalan minyak masak paket 1kg yang tidak konsisten menyebabkan ada kawasan yang terputus bekalan itu sejak seminggu lalu.

Katanya, majikan kedainya ju-

ga baru menerima bekalan minyak masak paket kelmarin selepas terputus stok sejak seminggu lalu.

Peniaga kedai runcit di Tampoi, Iskandar Talib, 56, mendakwa sejak seminggu lalu beliau tidak lagi menerima bekalan minyak masak paket walaupun sudah membuat pesanan kepada pembekal.



Nurul Huda Sabaruddin

“Kebiasaannya saya beli sekotak besar minyak masak paket setiap dua hari, namun sejak seminggu lalu bekalan belum dihantar, bila saya minta untuk beli lebih pun pembekal ka-

ta tiada.

“Pembekal mendakwa stok tiada selain menyatakan mereka menerima permintaan lebih tinggi daripada biasa sejak bulan lalu dan tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi,” katanya.

Pengguna yang hanya mahu dikenali sebagai Fauziah, 46, berkata beliau berharap pihak berkuasa menetapkan harga siling pada minyak masak botol 5kg yang melepasi harga RM33 di pasaran ketika ini.

Di **Alor Setar**, tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit mendapati, minyak masak paket 1kg kekurangan stok, malah ada yang mengehadkan pembelian.

Peniaga runcit, Ismail Ahmad, 63, berkata, minyak masak botol

paling murah dijual pada harga RM30.90 5kg.

Katanya, beliau terpaksa hadkan pembelian minyak masak paket.

“Sekarang ramai duduk di rumah kerana Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kota Setar menyebabkan ramai menggunakan minyak masak lebih untuk masakan harian,” katanya.

Bagaimanapun, di **Terengganu** pekedai berkata, bekalan minyak masak paket adalah mencukupi, tetapi harga minyak dibolkan 5kg tetap naik.

Pengurus Nirwana Maju Sdn Bhd (Nirwana) cawangan Kuala Berang, Mohammad Ridzwan Abdullah, berkata setakat ini tiada masalah untuk mendapatkan bekalan minyak masak paket 1kg.

Dalam perkembangan lain, pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia, berkata hasil pemantauan mendapati tidak berlaku terputus bekalan minyak masak paket 1kg di negeri ini.

Katanya, sebanyak 220,699 tan minyak masak paket 1kg dibekalkan kepada 74 premis peruncit terpilih daerah (DDR).

“Jumlah bekalan minyak masak paket 1kg kepada 160 premis pemborong terpilih daerah (DDW) adalah sebanyak 96,168 tan,” katanya.

Saharuddin berkata, pemeriksaan ke atas sepuluh syarikat pembungkus minyak masak juga mendapati ada 50,091 tan sedang dalam proses dan penghantaran.

Terpaksa had 2 paket sebab jadi rebutan

Johor Bahru: Minyak masak paket bersubsidi yang dijual pada harga RM2.50 sekilogram kini menjadi rebutan orang ramai sejak harga minyak masak botol melonjak.

Tinjauan di Plentong dan Tampoi, di sini, mendapati beberapa kedai runcit turut kehabisan stok minyak masak paket berikutan bekalan berkurangan.

Pekerja kedai runcit, Saiful Nizam Ahmad, 27, berkata, penghantaran stok minyak masak paket satu kilogram (kg) tidak konsisten menyebabkan ada kawasan yang terputus bekalan itu sejak seminggu lalu.

Katanya, majikannya juga baru menerima bekalan minyak masak paket, kelmarin selepas terputus stok.

"Minyak masak paket satu kg menjadi rebutan sekarang, malah ada pembeli menuduh saya menyorok bekalan selepas kedai terputus bekalan sejak seminggu lalu.

"Alhamdulillah, tiga kotak minyak masak paket baharu tiba semalam (kelmarin) walaupun pesanan dibuat lima kotak. Pembekal meny-



SEORANG pekerja, Saiful Nizam Ahmad menunjukkan minyak paket yang dijual dikedainya di Plentong, Johor.

takan stok minyak masak paket mendapat permintaan luar biasa.

"Majikan saya terpaksa mengehadkan pembelian dua paket sahaja bagi setiap pem-

beli untuk membolehkan lebih banyak pengguna dapat membelinya," katanya.

Menurutnya, walaupun majikan menyatakan memperoleh untung rendah bagi

setiap paket, bekalan itu sebenarnya pelaris kerana pelanggan akan turut membeli barangan lain.

Sementara itu, peniaga kedai runcit di Tampoi, Iskandar Talib, 56, mendakwa dia tidak menerima bekalan minyak masak paket sejak seminggu lalu walaupun sudah membuat pesanan kepada pembekal.

"Kebiasaannya saya beli sekotak besar minyak masak paket setiap dua hari, namun sejak seminggu lalu bekalan belum lagi dihantar, bila saya minta untuk beli lebih pun pembekal kata tiada.

"Pembekal mendakwa stok tiada selain menyatakan mereka menerima permintaan lebih tinggi berbanding kebiasaan sejak bulan lalu dan tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi," katanya.


Sementara itu, pengguna dikenali sebagai Fauziah, 46, berkata, dia berharap pihak berkuasa meletakkan harga siling pada minyak masak botol 5kg yang melepasi harga RM33 di pasaran ketika ini.



Senarai Harga Barang Keperluan

<ul style="list-style-type: none"> • Ayam 	RM6.49	<ul style="list-style-type: none"> • Telur Gred A 	RM9.20	<ul style="list-style-type: none"> • Gula Pasir 	RM2.80	<ul style="list-style-type: none"> • Cili Merah 	RM3.79
<ul style="list-style-type: none"> • Daging Lembu Tempatan 	RM35	<ul style="list-style-type: none"> • Ikan Kembung 	RM8.90	<ul style="list-style-type: none"> • Bawang Besar Holland 	RM2.80	<ul style="list-style-type: none"> • Kubis Bulat Tempatan 	RM1.99
<ul style="list-style-type: none"> • Daging Lembu Import 	RM25	<ul style="list-style-type: none"> • Minyak Masak 	RM6.20	<ul style="list-style-type: none"> • Bawang Putih 	RM5.50	<ul style="list-style-type: none"> • Tepung Gandum 	RM2.09

*Harga (RM/kg) - Sumber: KPDNHEP.



New fuel prices
June 10 – June 16

RON95	RM2.05
	(unchanged)
RON97	RM2.65
	(+2 sen)
DIESEL	RM2.15
	(unchanged)

The image shows a rectangular sign with a light-colored background. At the top left is a red circular logo with a white fuel nozzle. To the right of the logo, the text 'New fuel prices' is written in bold black font, with 'June 10 – June 16' in a smaller, italicized black font below it. The sign lists three fuel types: RON95, RON97, and DIESEL. For each fuel type, the current price is shown in bold red text, and the change from the previous period is shown in black text below it. RON95 is at RM2.05 (unchanged), RON97 is at RM2.65 (+2 sen), and DIESEL is at RM2.15 (unchanged). Horizontal lines separate the entries.